

## FAQ MSN

### **1. Bagaimana menjadi seorang atlet di bawah program MSN?**

Setiap atlet negara yang berada di bawah Program Latihan dan Persediaan Atlet Majlis Sukan Negara (MSN) terpilih selepas melalui proses pemilihan yang dibuat bersama Persatuan Sukan Kebangsaan (PSK). Setiap atlet perlu melalui proses pembangunan sukan bermula dari peringkat sekolah seperti struktur Model Pembangunan Sukan Negara di pautan <https://www.nsc.gov.my/program-podium/>

### **2. Bagaimana untuk membuat pinjaman peralatan sukan bagi penganjuran sesebuah kejohanan?**

Peralatan sukan yang disediakan di MSN adalah khusus untuk program latihan atlet negara sahaja. Pihak tuan/puan boleh mendapatkan khidmat nasihat daripada Persatuan Sukan Kebangsaan (PSK) sukan yang berkaitan untuk tujuan yang dimaksudkan.

### **3. Berapakah kadar Sewaan Fasiliti Sukan (Venue / Gelanggang) yang terdapat di MSN?**

Segala kemudahan sukan yang terdapat di MSN adalah eksklusif untuk kegunaan atlet negara. Walau bagaimanapun, terdapat kemudahan lain di Kompleks Sukan MSN di negeri-negeri lain. Sila layari <https://www.nsc.gov.my/venue-venue-msn/> untuk maklumat lanjut.

### **4. Bagaimana cara untuk menjalani Latihan Industri / Praktikal di MSN?**

Jika berminat untuk menjalani Latihan Industri / Praktikal di MSN, penuntut institusi pengajian tinggi boleh mengisi borang secara dalam talian melalui pautan, [https://internship.nsc.gov.my/intern\\_form.php](https://internship.nsc.gov.my/intern_form.php)

### **5. Bagaimana cara syarikat yang berhasrat untuk memberi penajaan kepada MSN?**

Sila kemukakan Surat Niat (Letter of Intent) kepada Ketua Pengarah Majlis Sukan Negara atau hubungi Encik Mohd Aminul Hakim, Pegawai Cawangan Pemasaran dan Penajaan di talian 03-89929600 untuk pertanyaan lanjut

**6. Bagaimana cara untuk mendapatkan Pengecualian Cukai bagi penajaan penganjuran kejohanan / aktiviti sukan?**

MSN menyediakan kemudahan 'Pengecualian Cukai : Akaun Sumbangan Melalui'. Penaja melalui Badan Sukan / Kelab Sukan yang berdaftar dengan Pesuruhjaya Sukan (PJS) atau Pejabat Pendaftaran Pertubuhan Belia (ROY) boleh mengemukakan Surat Permohonan Sokongan Pengecualian Cukai kepada Pengarah Bahagian Korporat, Majlis Sukan Negara (MSN). Wang penajaan perlu disalurkan melalui akaun MSN dan pihak MSN akan memindahkan wang tersebut kepada Badan Sukan / Kelab Sukan yang memohon. Sebarang pertanyaan lanjut, boleh hubungi Puan Noraini Ma'moon, Pegawai Cawangan Pemasaran dan Penajaan di talian 03-89929600.